



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892181
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/57 Jld. 6 (26)
Tarikh : 26 Julai 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT) GRED N32
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017/2018**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang dalam proses **persediaan pengisian jawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N32 bagi tahun 2017/2018** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat-maklumat PPT Gred N29 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 Dilantik kali pertama dalam perkhidmatan awam sebagai PPT Gred N29 **pada 28 Februari 2010 dan sebelum;**
- 2.2 Telah **disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.3 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred N29 berubah ke tarikh 1 Mac 2010 dan seterusnya;**
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2014, 2015 dan 2016) **tidak kurang 80%;**
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

2/...

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan. Bagi calon-calon yang telah diperaku dalam Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam pada **6 Disember 2016** dan belum ditawarkan pemangkuan ke Gred N32, **perlu mengemukakan semula** permohonan untuk dipertimbangkan semula.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 30 Ogos 2017** di alamat:-

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Mohd Zulkefley Bin Mohd Sabri**)

5. Dimaklumkan juga bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:-


- | | | | |
|-----|---|---|--------------|
| i. | Puan Yusleli Binti Hj. Mohd Yunos yusleli.yunos@jpa.gov.my | - | 03-8885 4351 |
| ii. | Puan Rubi Binti Mohd Shah rubi.shah@jpa.gov.my | - | 03-8885 4949 |

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan ~~Gunasama~~
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my